

Gerakan kumpulan antivaksin

# Pikat lebih 40,000 ahli di media sosial

Kumpulan promosi pelbagai dakyah tolak program kesihatan kerajaan

Oleh Ilah Hafiz Aziz  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sekumpulan individu radikal tempatan yang menolak kaedah perubatan moden berjaya menarik sehingga lebih 40,000 ahli di media sosial bagi mempromosikan kepercayaan mereka.

Laman Facebook kumpulan itu juga menjadi median interaksi golongan antivaksin untuk bertukar pendapat dan berkongsi idea untuk menolak program kesihatan kerajaan dan usaha pengamal perubatan memperbetulkan persepsi masyarakat.

Kumpulan ini yang wujud sejak 2016 itu turut menjadi wadah alam maya penentang program vaksinasi negara sehingga menjadi rujukan utama kepada ibu bapa yang meragui vaksin.

Individu yang mewujudkan kumpulan itu adalah pendukung utama gerakan antivaksin di Malaysia dan menggunakan platform media sosial ini untuk menarik lebih ramai rakyat negara itu menyertai gerakan itu.

Terbaru, BH mendapati kumpulan ini mula menyebarkan dakyah bahawa kehadiran semula penyakit polio di Malaysia bukan akibat penolakan vaksinasi, sebaliknya

## Eksklusif


berpuncanya daripada suntikan vaksin yang diberikan kerajaan.

Daktyah yang disebar ini begitu diyakini sehinggakan jika ada ahli yang meraguinya akan diserang dengan pelbagai maklumat yang diselewengkan.

Aktivis perubatan negara, Dr Suhazeli Abdullah, berkata kewujudan kumpulan Facebook ini begitu membimbangkan kerana ia mampu mempengaruhi masyarakat, lebih-lebih lagi ketika wujud gerakan antivaksin.


Beliau berkata, berdasarkan maklumat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), golongan antivaksin ini tidak ramai tetapi suara mereka terlalu volok dan mampu mempengaruhi orang ramai.

"Golongan ini menggunakan pseudosains dan menciplak artikel dari Google lalu membuat ulasan sendiri dengan kefahaman cetepek mereka terhadap sesuatu isu biarpun mereka bukan ahli dalam bidang atau agama.



*Maklumat yang disampaikan begitu mengelirukan, namun ia mampu mempengaruhi mereka yang kurang kefahaman.*

**Dr Suhazeli Abdullah,**  
Aktivis perubatan negara



Cucuk berangkai-rangkai kuman dalam tubuh bayi.. Vaksin polio bukan kuman polio shj.. Disertai juga kuman-kuman yang lain.. Nak cucuk anak anda silakan.. Tak dak sapa tarang.. Cuma pesanan kami buat la sedikit pembacaan info tentang vaksin apa yg bakal anak anda terima. Mohon tolong jangan serah tadi dan pasrah.



Vaksin Polio yg diguna di negara kita kebanyakannya adalah vaksin gabungan dengan vaksin bg penyakit lain di dalamnya. Ada yg gabungan 4, 5, malah 6 vaksin.

Sanggupkah anda bayangkan tubuh bayi anda sekecil 2 bulan dikirimkan' dengan 4/5/6 penyakit SERENTAK. Dan kemudian ulang 'kiriman penyakit' tersebut ketika bayi anda berusia 3, 5 dan 18 bulan?

### Antara interaksi golongan yang menolak vaksin dikesan dalam kumpulan FB antivaksin.

"Maklumat yang disampaikan begitu mengelirukan, namun ia mampu mempengaruhi mereka yang kurang kefahaman," katanya kepada BH.

Suhazeli yang juga Pengurus Majlis Penasihat Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA) berkata, kumpulan antivaksin atau *vaccine denier* ini mampu mempengaruhi orang ramai menerusi penulisan yang tidak tepat.

Katanya, mereka membuat penafsiran sendiri dan tidak mendapat maklumat benar daripada

doktor serta banyak merujuk kepada jaringan kumpulan antivaksin antarabangsa.

"Ia bukan sahaja masalah negara tetapi juga dunia kerana WHO sudah mengisyitarkan kumpulan antivaksin itu sebagai satu ancaman besar kepada kesihatan dunia," katanya.

Pengerusi ImmuniseLife, Prof Datuk Dr Zulkifli Ismail, pula menjelaskan maklumat yang dikongsikan kumpulan radikal ini hanya diceduk dari internet.

"Gerakan antivaksin memang sangat aktif kerana jika kita 'Goo-

gle' mengenai fakta vaksin atau imunisasi, 10 hingga 20 carian pertama yang muncul datang dari pada kumpulan ini.

"Di Malaysia, gerakan ini biasanya mengemukakan data dari Amerika Syarikat yang diketahui mempunyai bilangan kumpulan antivaksin yang ramai."

Dr Zulkifli berkata, mereka juga sering mencancangkan kajian Dr Andrew Wakefield mengenai kaitan vaksin dan autism biarpun kajian itu sudah disahkan masyarakat perubatan antarabangsa sebagai satu penipuan.